

'Malaysia boleh jadi negara tak berpenghuni'

BH ONLINE | Rabu, 30 Oktober 2019 | 1:43pm



ZURAIDA Kamaruddin

KUALA LUMPUR: Malaysia berpotensi menjadi negara usang dan tidak 'berpenghuni' jika isu lambakan rumah yang tidak terjual, tidak diselesaikan segera.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata, keadaan itu menggusarkan kerajaan apatah lagi sehingga kini, kira-kira RM100 bilion nilai rumah yang tidak terjual direkodkan.

"Jadi, menyedari masalah itu, banyak usaha sudah kita lakukan termasuk menerusi Kempen Pemilikan Rumah (HOC).

"Sebanyak kira-kira 21,000 unit rumah bernilai RM13.44 bilion berjaya dijual di bawah HOC yang mula dilaksanakan 1 Januari lalu," katanya menjawab soalan tambahan Steven Choong Shiau Yoon (PK PKR-Tebrau) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Justeru, kata beliau, kerajaan sudah melanjutkan tarikh akhir kempen ini sehingga 31 Disember depan, bagi memberi peluang rakyat memiliki rumah dengan diskaun dan pengecualian khas diberikan kerajaan.

Menjawab soalan tambahan Tan Sri Annuar Musa (BN UMNO-Ketereh) berkenaan pemilikan rumah warga asing, Zuraida berkata, sejak Januari hingga Jun lalu, jumlah pemilikan rumah warga asing amat rendah iaitu 398 orang atau 0.4 peratus, berbanding pemilikan rakyat tempatan iaitu 99,524 orang 99.6 peratus.

"Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran hartanah kediaman bagi warga asing masih terkawal," katanya.